

# Usah sekkadar ubah nama

u.m m/s 11 14.2.07

**ENAM** kolej universiti bermula 1 Februari lepas ditukar nama kepada universiti yang akan memberi dimensi baru kepada keenam-enam institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tersebut untuk meningkatkan sistem pendidikan tinggi negara.

Enam kolej universiti itu ialah Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem) ditukar kepada Universiti Malaysia Terengganu; Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kepada Universiti Sains Islam Malaysia; Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) kepada Universiti Malaysia Pahang.

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) kepada Universiti Malaysia Perlis; Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Sekiranya sebelum ini ramai yang melihat keenam-enam kolej universiti itu sebagai IPTA 'kelas kedua' maka dengan penukaran nama kepada universiti ini akan melenyapkan persepsi-persepsi sumbang tersebut.

Sebagai IPTA berstatus universiti keenam-enam IPTA tersebut kini boleh mengorak langkah untuk memajukan lagi pendidikan negara selaras dengan pembangunan Wawasan 2020 yang akan menyaksikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dalam pelbagai bidang terutama sains dan teknologi.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Zulkefli A Hassan berkata, walaupun IPTA tersebut bertukar nama kepada universiti tetapi fokus penawaran pengajian tidak berubah dengan kemasukan mahasiswa antara 10,000 hingga 15,000.

"Bagaimanapun struktur pengurusan IPTA terbabit akan berubah sedikit dari segi perjawatan di mana jawatan Rektor dan timbalan Rektor akan ditukar kepada naib canselor serta timbalan naib canselor," katanya.

Pertukaran nama enam IPTA ini pada dasarnya untuk membetulkan persepsi masyarakat yang melihat keenam-enam kolej

universiti walaupun menawarkan pelbagai program seperti universiti lain dari Ph.D, sarjana, ijazah sarjana muda dan diploma sebagai universiti 'kelas kedua'.

Walaupun kualiti siswazah yang dikeluarkan mempunyai taraf yang sama dengan universiti-universiti lain namun kerana awalnya ialah Kolej Universiti maka ramai melihat lulusannya adalah kurang sedikit dari IPTA yang mempunyai awalan Universiti.

Perkara inilah yang dilihat tidak adil bukan sahaja kepada siswazah IPTA terbabit tetapi juga kepada pengurusan universiti tersebut yang telah berusaha untuk memperbaiki mutu pendidikan serta siswazah yang dilahirkan.

Rektor KUiTTHO, Profesor Datuk Dr. Ismail Bakar berkata, pertukaran nama ini merupakan saat-saat yang dinantikan kerana dengan ditukar nama kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, universiti ini akan dapat memadamkan persepsi status 'kelas kedua' yang diberikan oleh masyarakat terhadapnya.

Beliau menegaskan, walaupun ia menggunakan nama kolej universiti sebelum ini namun pengajian yang ditawarkan adalah seperti yang ditawarkan oleh universiti-universiti lain di negara ini dan dunia.

"Dari segi pengajian tidak ada bezanya sebelum atau selepas ditukar nama kerana, universiti ini menawarkan pengajian dari peringkat Ph.D, sarjana, ijazah sarjana muda dan diploma.

"Namun pertukaran nama ini dapat memberikan persepsi yang berbeza kepada masyarakat terhadap universiti ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Azam beliau adalah ialah untuk melahirkan siswazah yang mempunyai kualiti tinggi serta memenuhi keperluan pihak industri.

Pertukaran nama ini juga memberi tanggungjawab besar kepada rektor yang akan dikenali dengan naib canselor selepas ini.

Naib canselor IPTA terbabit perlu memastikan ia dapat memenuhi harapan masyarakat yang mahukan siswazah yang dikeluarkan bukan sahaja mempunyai kelulusan yang baik tetapi mempunyai keupayaan untuk menjadi tenaga kerja yang berkualiti dan bermutu tinggi untuk membantu Malaysia mencapai Wawasan 2020.

Seperti apa yang dikatakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaya,

**Walaupun kualiti siswazah yang dikeluarkan mempunyai taraf yang sama dengan universiti-universiti lain namun kerana awalnya ialah Kolej Universiti maka ramai melihat lulusannya adalah kurang sedikit dari IPTA yang mempunyai awalan Universiti**



**PENJENAMAAN semula IPTA membantu melahirkan graduan-graduan berkualiti.**

**- Gambar hiasan**

Tan Sri Arshad Ayub bahawa naib canselor yang dilantik mengetuai universiti-universiti dapat mengatasi kelesuan universiti-universiti awam negara ini yang dilihat tidak mampu untuk mengeluarkan siswazah yang berkualiti dan berdaya saing tinggi.

Arshad menegaskan, universiti perlu memenuhi tiga peranan utamanya iaitu mendidik dan mengajar, penyelidikan dan kreativiti serta pengabdian diri kepada masyarakat.

"Tanggungjawab warga universiti ialah untuk menjadikan universiti sebuah institusi yang mampu melaksanakan peranan-peranan utamanya," kata Arshad.

Beliau juga memberikan petua kepada

naib canselor dalam menjadi kepimpinan cendekiawan yang berwawasan untuk menerajui sebuah universiti.

Katanya, setiap naib canselor perlu menghayati beberapa perkara iaitu perundingan, persetujuan pendapat, komitmen serta komunikasi.

Ujar beliau, penghayatan dan pelaksanaan perkara-perkara itu akan dapat memastikan warga universiti tidak segan silu untuk menyampaikan sebarang cadangan-cadangan yang bernas untuk kemajuan universiti.

"Tanpa melaksanakan perkara-perkara utama tersebut, banyak naib canselor dilihat sebagai pemimpin kuku besi," katanya.